

GARIS PANDUAN KESELAMATAN PENGURUSAN ASET DALAM TEMPOH BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk rujukan pegawai Universiti Putra Malaysia khususnya Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu dalam pengurusan aset semasa bekerja dari rumah bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah.

2.0 PANDUAN

2.1 Perkakasan (*hardware*) yang digunakan

- i. Memastikan komputer yang digunakan sama ada milik UPM atau persendirian dilengkapi dengan kata laluan kunci skrin, *screen logout* dan perlindungan anti virus bagi mengelakkan serangan *malware* dan *ransomware*;
- ii. Komputer hendaklah sentiasa dikemaskini dengan sistem pengoperasian dan *patch* terkini;
- iii. Melaksanakan kerja di ruang yang kondusif dan sesuai. Dilarang menggunakan *public wifi* seperti yang ada di premis makanan bagi mengelakkan data atau sistem di ceroboh pihak tidak bertanggungjawab;
- iv. Memiliki fungsi mengunci peranti dan menghapus data sekiranya berlaku kehilangan peralatan;
- v. Peminjaman komputer pejabat perlu merujuk kepada GARIS PANDUAN PINJAMAN ASET ICT (OPR/iDEC/GP04/Pinjaman Aset ICT).

2.2 Manusia (*People*)

Pegawai UPM yang menggunakan sebarang peralatan atau perisian ICT di luar premis bagi tujuan melaksanakan tugas hendaklah melaksana langkah perlindungan seperti berikut:

- i. Menghalang pendedahan maklumat kepada pihak yang tidak dibenarkan;
- ii. Menjaga kerahsiaan maklumat UPM;
- iii. Menjaga kerahsian kata laluan;
- iv. Mematuhi standard, prosedur, arahan kerja dan garis panduan keselamatan ICT yang ditetapkan;

- v. Komputer hendaklah disimpan di tempat yang selamat apabila tidak digunakan.

2.3 Data dan Maklumat (*Data and Information*)

- i. Kerahsiaan – Data dan maklumat tidak boleh didedahkan sewenang-wenangnya atau diakses tanpa kebenaran;
- ii. Integriti - Data dan maklumat hendaklah tepat, lengkap dan terkini. Ia hanya boleh diubah dengan cara yang dibenarkan;

3.0 TANGGUNGJAWAB

Semua pegawai UPM yang terlibat dalam Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu adalah bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan-peraturan di dalam Garis Panduan Keselamatan Pengurusan Aset dalam tempoh Bekerja Dari Rumah (BDR) seperti yang telah ditetapkan.

Sumber

1. Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GPKTMK) Universiti Putra Malaysia (UPM) Versi 3.0 yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JKKTMK), UPM pada 28 April 2017.